

## **BAB III**

### **PENGENALAN TAFSIR PEDOMAN MUTTAQIN**

#### **3.1 Pendahuluan**

*Tafsir Pedoman Muttaqin* ialah sebuah kitab tafsir bahasa Melayu kontemporari dikarang oleh Dr. Abdul Hayei A.S. Beliau adalah salah seorang cendekiawan muslim termuka di Malaysia. Tafsir ini ditulis sebagai kesinambungan kepada tafsir *Pimpinan al-Rahman* yang telah dirintis sebelumnya dan bertujuan untuk menjadi pedoman kepada umat Islam setelah mendapat bimbingan daripada tafsir *Pimpinan al-Rahmān*. Penulisan *Tafsir Pedoman Muttaqin* masih dalam proses penyelesaian, hingga kini<sup>1</sup> baru empat juzuk yang diterbitkan iaitu juzuk 1 dan 2 serta juzuk 28 dan 29.

#### **3.2 Biografi Pengarang**

Dr. Abdul Hayei Abdul A.S. dilahirkan pada 6 November 1947 di Pasir Mas, Kelantan, Malaysia<sup>2</sup>. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Pondok Pasir Tumbuh, Kota Bharu, Sekolah Menengah Ma'had Muhammadi, Kota Bharu, Kelantan sebelum melanjutkan pelajaran ke Dār al-Ulūm, Deoband, India. Seterusnya beliau menyambung pengajian ke Universiti al-Azhar, Mesir dan

---

<sup>1</sup> Hingga kajian ini dijalankan

<sup>2</sup> Hasil temu bual penulis dengan pengarang *Tafsir Pedoman Muttaqin* di Masjid al-Rahman, no.7, Jalan SS1/31 Kg. Tunku, Petaling Jaya pada 25 Julai 2011 selepas solat 'Isha'. Lihat juga : Abdul Hayei Abdul Sukor (2010), *Tafsir Pedoman Muttaqin*, Kuala Lumpur : JAKIM, j. 1, h. x

mendapat Ijazah Sarjana dalam bidang al-Qur'an dan al-Hadith<sup>3</sup>. Seterusnya pada tahun 1988 beliau mendapat Ijazah Ph.D dalam bidang Hadith daripada Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia dengan tesis bertajuk “*Sumbangan Syah Waliyullah al-Dihlawi kepada Pengajian Hadith dan Pengaruhnya di Kelantan*”<sup>4</sup>.

Abdul Hayei A.S. memulakan kerjayanya sebagai pensyarah di Fakulti Usuluddin, Yayasan Pengajian Tinggi Islam, Kelantan (YPTIK) Nilam Puri. Kemudian sebagai pensyarah di Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia<sup>5</sup>.

Selain bertugas sebagai pensyarah, beliau juga seorang penulis yang produktif dan telah menghasilkan beberapa buah buku dan artikel dalam pelbagai akhbar dan majalah di Malaysia. Di antara karyanya yang telah diterbitkan ialah Imam Malik : Sejarah dan Pemikiran, Manusia dan Kemanusiaan, Islam dan Manusia, Hadith Mawdu' dan Tafsir Pedoman Muttaqin. Beliau juga merupakan salah seorang Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Panel Kajian Akidah di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Ahli Jawatan Dewan Ulama Majlis Agama Islam Kelantan, Ahli Majlis Perunding Hukum Syarak Wilayah Persekutuan dan Ahli Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia dan lain-lain. Pada tahun 2011 beliau menerima Anugerah Perdana Maulidur Rasul peringkat kebangsaan (nasional)<sup>6</sup>.

---

<sup>3</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor (2005), *Op. Cit.*, c. 1, j. 29, h. 717. Lihat juga : Abdul Hayei Abdul Sukor (1999), Imam Malik : *Sejarah dan Pemikiran*, Kuala Terengganu : Yayasan Islam Terengganu, c. 1, h. Bahagian cover

<sup>4</sup> Mustaffa Abdullah (2009), *Khazanah Tafsir di Malaysia*, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 289

<sup>5</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor (2005), *Op. Cit.*, c. 1, j. 29, h. 717

<sup>6</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor (2010), *Op. Cit.*, c. 2, j. 1, h. x. Lihat juga : <http://inimajalah.com.my/dr-abdul-hayei-penerima-anugerah-perdana-maulidur-rasul-2011/> . Dilayari pada 10-12-2011.

Kini beliau sedang berusaha menyiapkan penulisan *Tafsir Pedoman Muttaqin* dan aktif menyampaikan pengajian di beberapa mesjid dan ceramah Agama di Radio Nasional FM, Kuala Lumpur dalam Program talaqqi dengan kitab *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* karangan Imam al-Nawawī dan program-program lainnya yang berkenaan dengan isu-isu kontemporari<sup>7</sup>.

Kesarjanaan dan keilmuan beliau dalam bidang ilmu keislaman terutama dalam pentafsiran al-Qur'an pastinya memberi sumbangan yang amat berharga kepada masyarakat Islam khususnya dalam mendidik dan mencetak generasi *qur'ānī* yang cinta terhadap al-Qur'an.

### **3.3 Latar Belakang Penulisan**

Kitab *Tafsir Pedoman Muttaqin* dikarang oleh Abdul Hayei A.S. sebagai kesinambungan kepada *Tafsir Pimpinan al-Raḥmān* sebelumnya. Jika tafsir *Pimpinan al-Raḥmān* ditulis untuk memimpin masyarakat Islam memahami dan menghayati isi kandungan a-Qur'an, maka penulisan *Tafsir Pedoman Muttaqin* bertujuan untuk menjadi pedoman kepada orang-orang yang bertaqwa setelah mendapat pimpinan dan bimbingan.

Selain daripada matlamat di atas, *Tafsir Pedoman Muttaqin* dihasilkan untuk memenuhi keperluan masyarakat Islam di Malaysia dan Luar Negara yang tidak memiliki kemampuan mendalami tafsir berbahasa Arab sama ada dari kalangan orang awam, Sekolah Menengah mahupun Perguruan Tinggi.

---

<sup>7</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor (2005), *Op. Cit.*, c. 1, j. 29, h. 717

Penulisan *Tafsir Pedoman Muttaqin* bermula dengan saranan daripada Perdana Menteri Dato Seri ‘Abdullah Hj. Ahmad Badawi dalam pertemuan beliau dengan ulama yang diadakan di Bilik Mesyuarat Perdana, Bangunan Perdana Putra, Putra Jaya pada 3 Oktober tahun 2006<sup>8</sup>. Perdana menteri memberi pandangan dan menyarankan agar interpretasi terhadap isi kandungan al-Qur’an perlu sentiasa dinamik sejajar dengan keunggulan Islam. Berdasarkan saranan tersebut, kajian dan beberapa sesi perbincangan pun dilakukan yang akhirnya JAKIM memberikan mandat kepada Abdul Hayei A.S. untuk menyusun kitab tafsir sebagai pedoman kepada ummah dan demi ketinggian Islam di Malaysia<sup>9</sup>.

Kitab *Tafsir Pedoman Muttaqin* telah diterbitkan sebanyak 4 juzuk, iaitu juzuk 1 yang bermula daripada *Sūrah al-Fātiḥah* hingga *Sūrah al-Baqarah* ayat 141, dan juzuk 2 mentafsirkan *Sūrah al-Baqarah* daripada ayat 142 sehingga ayat 286. Manakala juzuk 28 bermula daripada *Sūrah al-Mūjadalah* hingga *Sūrah al-Taḥrīm*, dan juzuk 29 mentafsirkan *Sūrah al-Mulk* dan diakhiri dengan *Sūrah al-Mursalāt*. Sementara juzuk 3 dan 4 belum diterbitkan tetapi bengkel pengesahannya telah diadakan pada 6 hingga 8 April 2009 di Hotel Pan Pacific, KLIA, Sepang, Selangor, Malaysia<sup>10</sup>.

Penerbitan pertama *Tafsir Pedoman Muttaqin* juzuk 1 dan 2 pada tahun 2008 oleh JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), Kuala Lumpur, Malaysia.

---

<sup>8</sup> Mustaffa Abdullah (2009), *Op. Cit.*, h. 293

<sup>9</sup> *Ibid*

<sup>10</sup> Hasil temubual penulis dengan kaki tangan penerbitan JAKIM Putra Jaya pada 2 Ogos 2011 ketika penulis membeli *Tafsir Pedoman Muttaqin* juzuk pertama. Layari juga : <http://www.islam.gov.my/en/bengkel-pengesahan-tafsir-pedoman-muttaqin-juzuk-3-dan-4>. Dilayari pada 12-11-2011.

Manakala terbitan keduanya pada tahun 2010 oleh penerbit yang sama<sup>11</sup>. Sementara itu, juzuk 28 dan 29 telah diterbitkan oleh Utusan Publications lebih awal sebelum penerbitan juzuk 1 dan 2, iaitu pada tahun 2003 juzuk 28 dan tahun 2005 juzuk 29. Tafsir ini akan diterbitkan sebanyak 30 juzuk yang penerbitan terakhirnya dijangka pada tahun 2022<sup>12</sup>.

### 3.4 Metodologi Pentafsiran

Kitab *Tafsir Pedoman Muttaqin* ditulis menggunakan bahasa Melayu tulisan rumi. Pengarang memulakan tafsirannya dengan mengemukakan sinopsis setiap surah yang akan ditafsirkan. Tafsiran surah biasanya diawali dengan penjelasan nama surah, masa nuzulnya serta munasabah antara surah dengan surah sebelum mahupun surah sesudahnya. Kemudian mengemukakan ikhtisar atau makna yang dikandung oleh setiap surah secara umum, dan pada akhir kupasan kelompok ayat yang ditafsirkan pengarang menyertakan saranan dan pengajaran sebagai intisari daripada ayat yang baru ditafsirkan<sup>13</sup>.

Pengarang dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an menggunakan pendekatan *Ma'thūr* dan *Ma'qūl*. Pendekatan *Ma'thūr* bermaksud menjelaskan makna ayat al-Qur'an dan menghuraikannya dengan ayat al-Qur'an, sunnah yang sahih, pendapat

---

<sup>11</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor (2010), *Op. Cit.*, c. 2, j. 1, h. iv

<sup>12</sup> Mustaffa Abdullah (2009), *Op. Cit.*, h. 292. Layari juga : Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia : <http://www.islam.gov.my/jakim-akan-terbit-tafsir-pedoman-muttaqin>. Dilayari pada 05-11-2011

<sup>13</sup> Berkenaan dengan kesimpulan pada setiap akhir kelompok ayat yang ditafsirkan, pengarang selalu mengemukakannya pada point khusus bertajuk "Pengenalan dan Saranan". Sebagai contoh lihat penjelasan beliau pada : Abdul Hayei Abdul Sukor (2010), *Op. Cit.*, c. 2, j. 1, h. 5, 62

para sahabat dan tabi'in<sup>14</sup>. Namun pentafsiran al-Qur'an berdasarkan pendapat tabi'in ulama berbeza pendapat. Sesetengah ulama mengatakan tidak termasuk dalam kategori *Tafsir Bi al-Ma'thūr* tetapi ia digolongkan kepada *Tafsir Bi al-Ra'y*<sup>15</sup>.

Manakala *Tafsir Bi al-Ra'y* bermaksud usaha pentafsiran al-Qur'an secara rasional berpandukan kepada kaedah Bahasa Arab yang mesti diketahui oleh setiap mufassir sebelum menjelaskan maksud al-Qur'an<sup>16</sup>. Seperti ilmu nahwu dan saraf, ilmu balaghah, ilmu qira'at, ilmu uṣūl al-dīn, uṣūl al-fiqh, dan lain sebagainya<sup>17</sup>. Pentafsiran seperti ini juga turut digunapakai oleh Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*.

Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* mentafsirkan ayat secara kelompok yang berasingan. Kemudian mentafsirkan ayat-ayat tersebut satu demi satu selepas mengemukakan munāsabah dengan kelompok ayat sebelumnya dan mengemukakan *sabab al-nuzūl* jika ada. Seterusnya, pada akhir pentafsiran pengarang mengemukakan saranan dan pengajaran sebagai intisari daripada kandungan ayat yang baru sahaja ditafsirkan. Dalam menghuraikan ayat pula pengarang mengambil kira pandangan para ulama silam dan semasa seperti Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (w. 310 H), Sayyid Quṭub (w. 1966 M), Wahbah al-Zuḥaylī dan Sheikh Mutawallī al-Sha'rāwī (w. 1998 M).

---

<sup>14</sup> Muṣṭafā Muslim (1415), *Manāhij al-Mufasssirīn*, Riyāḍ : Dār Muslim Li al-Nashr Wa al-Tawzī', c. 1, h. 23. Lihat juga : Fahd bin 'Abd al-Raḥmān bin Sulaymān al-Rūmī (2007), *Dirāsāt Fī 'Ulūm al-Qur'ān al-Karīm*, Riyāḍ : (t.p), c. 15, h. 165

<sup>15</sup> Nūr al-Dīn' Atar (1997), *'Ulūm al-Qur'ān al-Karīm*, Damshiq : Maṭba' al-Ṣabāh, c. 6, h. 74. Ulama yang tidak sepakat bahawa pendapat tabi'in termasuk dalam pengertian *Tafsir Bi al-Ma'thūr* ialah al-Zarqānī. Keengganan beliau tersebut dilatarbelakangi oleh kenyataan bahawa banyak di antara tabi'in yang terpengaruh dengan pentafsiran Isra'iliyat. Lihat : Muḥammad 'Abd al-'Azīm al-Zarqānī (1988), *Manāhil al-Irfān Fī 'Ulūm al-Qur'ān*, Beirut : Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, c. 1, j. 1, h. 14

<sup>16</sup> Fahd bin 'Abd al-Raḥmān bin Sulaimān al-Rūmī (2007), *Op. Cit.*, h. 175

<sup>17</sup> Nūr al-Dīn' Atar (1997), *Op. Cit.*, h. 88

Bagi memudahkan para pembaca, pengarang meletakkan beberapa tajuk khas berdasarkan kandungan ayat yang akan ditafsirkan. Kemudian mengemukakan *fahrasāt* Hadith, athar dan sya'ir yang dibawakan dalam pentafsiran pada akhir kitab setiap juzuk. Inilah di antaranya keistimewaan *Tafsir Pedoman Muttaqin* berbanding dengan kitab tafsir lain. Untuk lebih terperinci bagaimana metode pentafsiran Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* akan dibincangkan pada perbincangan berikut beserta contohnya secara umum.

### 3.4.1 Mengemukakan Munāsabah

Munāsabah ialah ilmu yang membicarakan tentang hubungan antara ayat dengan ayat atau antara surah dengan surah dalam al-Qur'an<sup>18</sup>. Pengarang *Tafsir Pedoman Muttaqin* sebelum mentafsirkan ayat terlebih dahulu mengemukakan munāsabah atau hubung kait antara surah dengan surah atau ayat dengan ayat yang akan ditafsirkan dengan ayat sebelumnya. Contoh munāsabah antara surah dengan surah salah satunya dapat dilihat pada pentafsiran beliau ketika mentafsirkan *Sūrah al-Baqarah*.

Menurut Abdul Hayei. A.S., hubung kait antara *Sūrah al-Baqarah* dengan *Sūrah al-Fātiḥah* ialah berkenaan dengan persoalan hidayah yang telah dibincangkan pada ayat 6 daripada *Sūrah al-Fātiḥah* kemudian dinyatakan lagi pada ayat kedua dalam *Sūrah al-Baqarah*. Berkenaan dengan hal tersebut pengarang menyatakan :

---

<sup>18</sup> Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān al-Suyūṭī (1993), *al-Itqān Fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Damshiq : Dār al-'Ulūm, c. 2, j. 2, h. 977. Lihat juga : Mannā' Khalīl Qaṭṭān (2000), *Mabāḥith Fī 'Ulūm al-Qur'ān*, Kaḥerah : Maktabah Wahbah, h. 92

“Dalam *Sūrah al-Fātiḥah* ada tersebut doa untuk mendapatkan hidayah. Doa itu dibaca sekurang-kurangnya 17 kali dalam solat lima waktu pada setiap hari iaitu :

أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿١﴾

Maksudnya : Tunjukilah kami jalan yang lurus.

Doa itu mendapat perkenan Allah swt lalu ditunjukkan kepada pemohonnya jalan untuk mendapatkan hidayah; hidayah perlu didapatkan menerusi al-Qur'an pada ayat ke-2 surah ini, firman Allah :

ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

Maksudnya : Kitab al-Qur'an itu tiada sebarang keraguan padanya. Ia memberi hidayah kepada para *muttaqin*”<sup>19</sup>.

Manakala *munāsabah* antara kelompok ayat yang akan ditafsirkan dengan kelompok ayat yang telah ditafsirkan sebelumnya dikesan daripada pernyataan beliau ketika mentafsirkan *Sūrah al-Baqarah* dari ayat 26 sampai ayat 29 berikut :

“Ayat ke-23 yang terdahulu menyatakan al-Qur'an adalah sebuah kitab yang benar datangnya daripada Allah. Sesiapa yang menyimpan keraguan terhadapnya, maka bawakanlah satu surah yang sebanding dengan al-Qur'an. Ayat ke-26 ini dan ayat-ayat berikutnya menyatakan bahawa Allah swt tidak segan untuk membuat perbandingan dengan nyamuk dan haiwan yang lebih kecil daripadanya. maksudnya perbandingan ini tidak menjejaskan kedudukan al-Qur'an sebagai wahyu yang benar”<sup>20</sup>.

*Munāsabah* dalam al-Qur'an terdiri daripada beberapa macam iaitu *munāsabah* antara kata dengan kata dalam satu surah, *munasabah* antara ayat dengan ayat selepasnya dan *munasabah* antara surah dengan surah<sup>21</sup>. Pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* Abdul Hayei A.S. mengemukakan *munāsabah* melalui dua bentuk sahaja iaitu *munāsabah* antara surah dengan surah dan

<sup>19</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor (2010), *Op. Cit.*, j. 1, h. 29

<sup>20</sup> *Ibid*, h. 111

<sup>21</sup> Muhammad Qurasih Shihab (2005), *Tafsir al-Mishbāh*, Jakarta : Lentera Hati, c. 5, j. 1, h. xxiii



munāsabah antara kelompok ayat yang akan ditafsirkan dengan kelompok ayat yang telah ditafsirkan sebelumnya.

Munāsabah surah atau ayat al-Qur'an yang dikemukakan oleh Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* tidak semata-mata hasil pemikiran beliau sendiri, tetapi beliau banyak memetik pendapat Wahbah al-Zuhaylī dalam karyanya *al-Tafsīr al-Munīr*. Perkara ini dinyatakan sendiri oleh beliau pada bahagian mukaddimah juzuk pertama. Namun ketika mengemukakan munāsabah beliau tidak pernah memberikan maklumat yang menyatakan munāsabah tersebut adalah pendapat Wahbah al-Zuhaylī.

### 3.4.2 Mengemukakan Makna Mufradat

Dalam keadaan tertentu Abdul Hayei A.S. mengemukakan penjelasan tentang makna kalimat yang digunakan dalam ayat. Penjelasan makna dilakukan bagi memudahkan pemahaman para pembaca. Sebagai contoh firman Allah s.w.t. dalam *Sūrah al-Baqarah* ayat 22 :

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرَاشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ  
بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَّكُمْ ۖ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٢﴾

Maksudnya : “Dia-lah Allah yang menciptakan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan dan langit sebagai bangunan dan Dia-lah menurunkan air hujan dari langit dan dengar air itu Dia mengeluarkan buah-buahan menjadi rezeki bagi kamu. Oleh itu, janganlah kamu mengadakan bagi Allah sebarang sekutu, pada hal kamu semua mengetahui”.

Abdul Hayei A.S. mentafsirkan kata “*Firāshan*” dalam ayat di atas dengan “hampan” yang bermakna bumi ini adalah hampan yang merehatkan bagi manusia. Pernyataan pengarang sebagai berikut :

“(فِرَاشًا) ertinya hampan. Biasanya hampan adalah sesuatu yang merehatkan; ia digunakan sebagai pengalas belakang ketika rehat dan ketika tidur. Bumi ini pada hakikatnya hampan yang merehatkan kerana dibekalkan padanya air, angin, bulan, bintang yang semuanya itu mendatangkan kerehatan kepada orang yang tinggal di bumi ini”<sup>22</sup>.

Makna “*Firāshan*” dengan hampan dan tujuannya untuk menjadi tempat berehat bagi manusia telah dikemukakan terlebih dahulu oleh al-Zamakhsharī (w. 538 H) dalam tafsir *al-Kashshāf*<sup>23</sup>, Imam al-Alūsī (w. 1270 H) dalam tafsirnya *Rūḥ al-Ma’ānī*<sup>24</sup> dan Ibn ‘Ashūr (w. 1393 H) dalam karyanya *al-Taḥrīr Wa al-Tanwīr*<sup>25</sup>. Dengan demikian, makna tersebut bukan pertama kali dijelaskan oleh Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Tetapi jauh sebelum beliau makna tersebut telah dijelaskan oleh para ulama meskipun beliau tidak menyebutkan nama ulama yang telah menjelaskannya terlebih dahulu.

Berdasarkan kajian yang dilakukan penulis mendapati, penjelasan makna kalimat dalam ayat amat sedikit dikemukakan oleh Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Pada *Sūrah al-Fatiḥah* hanya tiga kata dihuraikan oleh beliau secara khusus iaitu kata “*al-Rahmān*” dan “*al-Raḥīm*” pada ayat pertama dan kata

---

<sup>22</sup> *Ibid.*, h. 98

<sup>23</sup> Abū al-Qāsim Maḥmūd bin ‘Umar bin Aḥmad al-Zamakhsharī (1998), *al-Kashshāf*, Tahqiq : ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd, Riyāḍ : Maktabah al-‘Abikān, c. 1, j. 1, h. 215

<sup>24</sup> Shihāb al-Dīn Maḥmūd bin ‘Abd Allāh al-Ḥusaynī al-Alūsī al-Baghdādī (t.t), *Rūḥ al-Ma’ānī*, Beirut : Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, j. 1, h. 187

<sup>25</sup> Muḥammad al-Ṭāhir bin Muḥammad bin Muḥammad al-Ṭāhir bin ‘Ashūr al-Tūnisī (2000), *al-Taḥrīr Wa al-Tanwīr*, Beirut : Mu’assasah al-Tārīkh al-‘Arabī, c. 1, j. 1, h. 326

“*Māliki*” pada ayat keempat. Manakala dalam *Sūrah al-Baqarah* juzuk pertama ditemukan sebanyak 22 kata<sup>26</sup>.

### 3.4.3 Mentafsirkan al-Qur’an dengan al-Qur’an

Mentafsirkan ayat dengan menggunakan ayat-ayat al-Qur’an juga digunakan oleh Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Sebagai contoh firman Allah s.w.t. dalam *Sūrah al-Baqarah* ayat 2 :

ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

Maksudnya : *Kitab al-Qur’an itu tiada sebarang keraguan padanya. Ia memberi hidayah kepada para muttaqin.*

Semasa menjelaskan makna hidayah dalam ayat ini beliau mengemukakan bahawa hidayah secara umum merujuk kepada dua pengertian, iaitu *Takwīniyyah* (kejadian) dan *Tashri’iyyah* (perundangan). Hidayah *Takwīniyyah* ialah bimbingan Allah s.w.t. sebagai pemilik alam buana dan segala yang ada di dalam alam ini. Bagi menyokong kepada pernyataan ini beliau mengemukakan ayat berikut :

قَالَ رَبُّنَا الَّذِي أَعْطَىٰ كُلَّ شَيْءٍ حَلْقَهُ ثُمَّ هَدَىٰ ﴿٢٠٠﴾

Maksudnya : *Berkata (Musa) : Tuhan kami ialah Tuhan yang telah memberikan bentuk kejadian kepada setiap sesuatu yang sesuai dengannya, kemudian Dia memberi hidayah.*

<sup>26</sup> Semua kata yang dimaksud lihat : *Ibid.*, h. 56,82, 84, 97, 98, 103, 103, 125, 126, 264, 264, 270, 283, 283, 288, 350, 359, 455, 460, 479, 483, 489.

Dalam ayat lain Allah s.w.t. berfirman :

قُولُوا ءَامَنَّا بِاللَّهِ وَمَا أُنزِلَ إِلَيْنَا وَمَا أُنزِلَ إِلَيْنَا وَمَا أُنزِلَ إِلَيْنَا وَإِسْحَاقَ  
وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطِ وَمَا أُوتِيَ مُوسَىٰ وَعِيسَىٰ وَمَا أُوتِيَ النَّبِيُّونَ مِنْ رَبِّهِمْ لَا  
نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْهُمْ وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ ﴿١٦﴾

Abdul Hayei A.S. menyatakan bahawa nama-nama Nabi yang disebutkan dalam ayat ini ialah orang yang dimaksudkan dalam *Sūrah al-Fātihah* ayat yang ke-7. Beliau menyatakan dalam tafsirnya :

“Nama-nama yang disenaraikan ini ialah orang yang dimaksudkan di dalam *Surah al-Fātihah* terdahulu, iaitu firman-Nya :

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٥﴾

Maksudnya : *Jalan orang yang Engkau beri nikmat ke atas mereka dan bukan jalan orang dimurkai dan bukan pula jalan orang sesat*<sup>27</sup>.

Pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* ditemukan sebanyak 119 ayat al-Qur'an dikemukakan oleh A.S. untuk mentafsirkan ayat. Namun tidak semua ayat tersebut digunakan beliau secara langsung sebagai penjelas dan penguat terhadap ayat tetapi lebih banyak digunakan sebagai penjelas dan penyokong kepada pernyataan. Daripada 119 ayat tersebut sebanyak 105 ayat<sup>28</sup> digunakan pengarang sebagai penguat pernyataan dan hanya 14 ayat<sup>29</sup> digunakan untuk menjelaskan ayat al-Qur'an.

<sup>27</sup> *Ibid.*, h. 39

<sup>28</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor (2010), *Op. Cit.*, j. 1, h. 56. 56. 69. 69. 79. 85. 114. 115. 115. 117. 125. 131. 133. 136. 137. 140. 141. 148. 148. 151. 153. 166. 178. 179. 187. 223. 230. 247. 259. 275. 277. 280. 281. 290. 295. 295. 312. 338. 351. 360. 362. 363. 383. 417. 418. 428. 430. 449. 449. 455. 456. 461. 465. 467. 467. 484. 484. 485. 485. 485., j. 2. 15. 34. 52. 53. 79. 81. 81. 82. 102. 112. 113. 113. 114. 114. 119. 134. 148. 149. 149. 208. 220. 221. 228. 268. 275. 355. 373. 387. 391. 412. 413. 439. 442. 442. 443. 462. 498. 510. 511. 511. 512. 516. 519. 531.

<sup>29</sup> *Ibid.*, j. 1. h. 105. 107. 109. 119. 427., j. 2, 165. 184. 198. 210. 484. 500. 539. 550. 553.

### 3.4.4 Mentafsirkan al-Qur'an dengan Hadith

Selain menggunakan ayat-ayat al-Qur'an, Abdul Hayei A.S. juga menggunakan Hadith Nabi s.a.w. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Sebagai contoh dapat dikesan daripada pentafsiran beliau berkenaan dengan membaca “*Āmin*” selepas membaca *Sūrah al-Fātiḥah*. Abdul Hayei A.S. menyatakan menurut pendapat yang sahih sunat hukumnya membaca “*Āmin*” bagi orang yang membaca *Sūrah al-Fātiḥah* di luar solat dan dalam solat, sama ada solat sendiri mahupun solat berjama'ah<sup>30</sup>. Untuk menyokong pernyataan ini beliau mengemukakan Hadith berikut :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا أَمَّنَ الْقَارِئُ فَأَمَّنُوا فَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ تُؤْمِنُ فَمَنْ وَافَقَ تَأْمِينُهُ تَأْمِينَ الْمَلَائِكَةِ غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.<sup>31</sup>

Terjemahan : Daripada Abū Hurayrah Rasulullah s.a.w. bersabda : *Apabila pembaca (al-Fātiḥah) mengucap “Amin”, hendaklah kamu turut mengaminkannya kerana malaikat juga mengucapkan “Amin”. Sesiapa yang pengucapan aminnya sekata dengan pengucapan “Amin” malaikat nescaya diampuni dosanya yang terdahulu”.*

Sebagaimana M.Q. Shihab pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* yang telah penulis huraikan sebelumnya, Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* juga menyatakan Hadith tidak semuanya dijadikan secara langsung menyokong atau menjelaskan maksud ayat. Penulis mendapati, Hadith-Hadith tertsebut lebih banyak digunakan untuk menguatkan pernyataan berbanding dengan penjas atau pun penguat terhadap ayat. Pada *Sūrah al-Baqarah* terdapat sebanyak

<sup>30</sup> *Ibid.*, j. 1, h. 24

<sup>31</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah al-Bukhārī (1400 H), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Da’awāt, Bāb al-Ta’mīn, no. 6402, Kaherah : al-Maktab al-Salafiyah, j. 4, h. 172. Hadith sahih diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī.

203 Hadith dikemukakan oleh pengarang. Sebanyak 47 Hadith<sup>32</sup> sebagai penjelas terhadap ayat dan 156 Hadith<sup>33</sup> sebagai penguat pernyataan.

Berkenaan dengan penulisannya, Hadith-Hadith dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* dinyatakan oleh pengarang dengan pelbagai bentuk. Terdapat Hadith-Hadith dinyatakan dengan mengemukakan maklumat takhrij secara ringkas berkenaan dengan nama pengarang, kitab, bab dan nombor Hadith dan terdapat pula Hadith hanya dikemukakan matannya tanpa sanad dan mukharrij. Bahkan ada Hadith yang dinyatakan tanpa mengemukakan sumber rujukannya dengan jelas. Namun yang menarik, pada akhir perbahasan kitab beliau mengemukakan fahrasat Hadith bagi memudahkan carian terhadap Hadith-Hadith tersebut. Inilah salah satu keistimewaan *Tafsir Pedoman Muttaqin* berbanding dengan tafsir Bahasa Melayu yang lain.

### 3.4.5 Menyatakan Pendapat Sahabat

Jika ayat al-Qur'an dan Hadith tidak ditemukan untuk mentafsirkan ayat, maka hendaklah merujuk kepada pendapat sahabat. Mereka adalah generasi terbaik dalam

---

<sup>32</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor (2010), j. 1, h. 68. 74. 153. 154. 201., j. 2, h. 15. 51. 97. 100. 147. 185. 205. 207. 207. 209. 209. 211. 239. 239. 240. 240. 241. 257. 259. 260. 286. 293. 309. 315. 375. 396. 396. 417. 418. 418. 418. 418. 419. 429. 467. 513. 513. 514. 515 557. 557

<sup>33</sup> *Ibid.*, j. 1, h. 48. 48. 49. 49. 78. 91. 157. 160. 177. 183. 201. 224. 247. 254. 255. 277. 278. 291. 341. 341. 341. 342. 346. 352. 355. 372. 385. 417. 418. 438. 445. 455. 459. 461. 466. 466. 476. 489., j 2, h. 9. 10. 13. 24. 24. 52. 56. 56. 57. 57. 57. 58. 58. 58. 59. 59. 60. 60. 61. 62. 63. 64. 64. 65. 65. 65. 66. 66. 67. 67. 68. 72. 77. 78. 78. 83. 89. 83. 89. 91. 92. 93. 93. 94. 98. 99. 103. 104. 107. 135. 154. 155. 157. 158. 159. 159. 171. 195. 196. 196. 197. 218. 222. 223. 228. 228. 230. 236. 237. 243. 248. 249. 250. 250. 260. 264. 276. 277. 279. 285. 299. 301. 311. 362. 365. 368. 375. 385. 392. 397. 399. 401. 401. 421. 424. 430. 448. 449. 453. 455. 456. 461. 462. 463. 464. 477. 483. 483. 484. 486. 487. 487. 511. 512. 518. 530. 541

hal pentafsiran al-Qur'an setelah Rasulullah s.a.w. wafat<sup>34</sup>. Abdul Hayei A.S. turut mengemukakan pendapat sahabat ketika mentafsirkan al-Qur'an dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Di antara contoh pendapat sahabat yang dipaparkan oleh beliau ialah pendapat Ibn 'Abbās (w. 68 H) dan Ibn Mas'ūd (w. 32 H) ketika mentafsirkan *Sūrah al-Baqarah* ayat ke-34 berkenaan dengan definisi Iblis berikut ini. Allah s.w.t. berfirman :

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَىٰ وَاسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ  
الْكَافِرِينَ

Maksudnya : *Dan (Kenangilah) ketika kami berfirman kepada para malaikat, "Sujudlah kamu kepada Adam." Lalu mereka pun sujud melainkan Iblis; dia enggan dan angkuh dan dia termasuk dalam golongan orang yang kafir.*

Berkenaan dengan pentafsiran ayat ini Abdul Hayei A.S. menjelaskan :

*"Mufassirin berselisih pendapat, apakah Iblis daripada jenis malaikat atau bukan daripada jenis malaikat. Keterangan-keterangan yang dipetik daripada Ibn 'Abbās dan Ibn Mas'ūd menyatakan bahawa Iblis itu adalah dari salah satu suku malaikat yang dipanggil jin yang dijadikan daripada api yang sangat panas, sedangkan malaikat dijadikan daripada nur (cahaya). Nama asal Iblis ini ialah Azazil, dia tergolong dalam pegawai tinggi malaikat, dia bertugas selaku pegawai penyelia syurga merangkap pentadbir urusan langit dunia dan urusan bumi"*<sup>35</sup>.

Namun begitu, pentafsiran al-Qur'an dengan pendapat sahabat amat sedikit digunakan oleh Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* berbanding dengan pendapat mufassir selain sahabat. Pada *Sūrah al-Baqarah* juzuk 1 hanya

<sup>34</sup> Ahmad bin Taymiyyah (1997), *Muqaddimah Fī Uṣūl al-Tafsīr*, Beirut : Dār Ibn Ḥazm, h. 87. Mufassir termasyhur dari kalangan sahabat ada sepuluh orang iaitu Abū Bakr, 'Umar, 'Uthmān, 'Alī, Ibn Mas'ūd, Ibn 'Abbās, Ubay bin Ka'ab, Zayd bin Thābit, Abū Mūsā al-Ash'arī dan 'Abd Allāh bin Zubeyr r.a.. Lihat : Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān al-Suyūṭī (1987), *al-Itqān Fī 'Ulūm al-Qur'ān*, Beirut : Dār Ibn Kathīr, j. 2, h. 1227

<sup>35</sup> Abdul Hayaei Abdul Sukor (2010), *Op. Cit.*, j. 1, h. 138

sebelas tempat dengan 4 orang sahabat dikemukakan oleh beliau. Nama-nama sahabat tersebut ialah ‘Umar bin al-Khaṭṭāb (w. 23 H), Ibn Mas’ūd (w. 32 H), Usāmah bin Zayd (w. 53 H) dan Ibn ‘Abbās (w. 68 H)<sup>36</sup>.

### 3.4.6 Mentafsirkan al-Qur’an Dengan Akal

Mentafsirkan al-Qur’an dengan akal disebut juga dengan *Tafsīr Bi al-Ra’y* iaitu menggunakan akal dengan sungguh-sungguh untuk memahami al-Qur’an berdasarkan pengetahuan bahasa Arab yang dimiliki oleh setiap mufassir sama ada dari segi pengetahuan, syarat-syarat mufassir, akhlak dan sebagainya<sup>37</sup>. Al-Dhahabī dalam kitabnya *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrun* menjelaskan penggunaan *Tafsīr Bi al-Ra’y* diharuskan kerana pada dasarnya akal dan wahyu tidak bertentangan antara satu sama lain<sup>38</sup>. Merujuk kepada *Tafsīr Pedoman Muttaqin*, boleh dikatakan Abdul Hayei A.S. menggunakan akal secara meluas dalam mentafsirkan al-Qur’an. Sebagai contoh firman Allah s.w.t. dalam *Sūrah al-Baqarah* ayat ke-20 :

يَكَادُ الْبَرْقُ تَخْطِفُ أَبْصَرَهُمْ<sup>ط</sup> كُلَّمَا أَضَاءَ لَهُمْ مَشَوْا فِيهِ وَإِذَا أَظْلَمَ عَلَيْهِمْ  
قَامُوا<sup>ج</sup> وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَذَهَبَ بِسَمْعِهِمْ وَأَبْصَرِهِمْ<sup>ج</sup> إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ

قَدِيرٌ

Maksudnya : Kilat itu pula hampir-hampir menyambar penglihatan mereka. Setiap kali kilat itu menerangi mereka, mereka berjalan dalam cahayanya. Dan apabila gelap menyelubungi mereka berhentilah mereka. Dan sekiranya Allah menghendaki nescaya dihilangkan-Nya pendengaran dan

<sup>36</sup> *Ibid.*, j. 1, h. 138. 237. 243. 364. 405. 437. 446. 447. 459 478. 480

<sup>37</sup> Subḥ al-Ṣāliḥ (1972), *Mabāḥiṭh Fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, Beirut : Dār al-‘Ilm Li al-Malāyīn, h. 49. Lihat juga : Muḥammad ‘Abd al-‘Azīm al-Zarqānī (1988), *Op. Cit.*, h. 208

<sup>38</sup> Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (1989), *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrun*, Kaherah : Maktabah Wahbah, j. 2, h. 554



*penglihatan mereka. Sesungguhnya Allah maha Berkuasa ke atas tiap-tiap sesuatu.*

Ketika menjelaskan ayat ini Abdul Hayei A.S. mengemukakan pernyataannya yang menggambarkan tentang keadaan orang mukmin dan orang munafik. Pernyataan beliau berikut ini :

*“Ayat ini secara tidak langsung menyatakan orang mukmin mengambil manfaat daripada sinaran wahyu yang cerah bagaikan kilat memancar; mereka memegang sinaran itu dan membawanya berjalan ke mana-mana; mereka tidak risau sekalipun gelap malam dan ketika hujan ribut. Lain halnya dengan orang munafik yang gagal berinteraksi dengan wahyu yang bagaikan kilat itu. Mereka hanya mendapat cahaya ketika kilat memancar sekelip mata kemudian gelap kembali, mereka terus sesat kerana tiada cahaya lagi selain cahaya kilat yang hanya datang menyambar”<sup>39</sup>.*

Pernyataan ini menunjukkan Abdul Hayei A.S. mentafsirkan ayat menggunakan akal dan pandangan beliau sendiri. Malah pentafsiran seperti ini dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* lebih menonjol berbanding dengan pentafsiran al-Qur'an dan Hadith atau pun pendapat sahabat dan tabi'in. Namun begitu, selepas mentafsirkan dan memahami ayat dengan pandangan sendiri beliau mengemukakan ayat atau Hadith bagi penyokong pernyataannya. Tetapi tidak semua pernyataan yang beliau kemukakan disokong dengan ayat atau pun Hadith.

### **3.4.7 Mengemukakan Pengajaran dan Saranan**

Salah satu aspek yang ditonjolkan oleh Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* ialah mengemukakan pengajaran dan saranan dengan tajuk khusus pada setiap akhir kelompok ayat yang ditafsirkan. Sebagai contoh, Abdul Hayei A.S.

---

<sup>39</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor (2010), *Op. Cit.*, j. 1, h. 93

mengemukakan dua pengajaran dan saranan selepas mentafsirkan *Sūrah al-Jin* ayat 1 hingga ayat 7. Pengajaran dan saranan tersebut seperti dalam pernyataan beliau berikut ini :

### **“Pengajaran dan Saranan**

1. Mengambil maklum kisah jin banyak faedahnya, terutama untuk dijadikan pendorong oleh kafir Quraisy agar beriman kepada Allah, Nabi Muhammad s.a.w. dan wahyu al-Qur’an.
2. Antara maklumat yang diketahui tentang jin ialah mereka juga dibebankan dengan taklif syarak sebagaimana manusia, mereka juga terbahagi kepada mukmin dan kafir, kalangan mereka ada pendakwah yang mengajak kaumnya kepada iman, mereka memahami bahasa manusia dan mendengarnya<sup>40</sup>.”

Metode ini merupakan ciri khas pentafsiran Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* sekaligus membezakannya dengan karya tafsir bahasa Melayu yang lain. Tidak ditemukan ada tafsir bahasa Melayu yang lain secara khusus mengemukakan metode ini. Dengan adanya pentafsiran seperti ini para pembaca dapat lebih mudah mengetahui intisari kandungan ayat yang telah ditafsirkan.

### **3.5 Kesimpulan**

Penjelasan di atas menunjukkan bahawa Abdul Hayei A.S. adalah seorang mufassir Melayu di samping seorang penulis yang produktif dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan terutamanya dalam bidang tafsir al-Qur’an dan Hadith. Kewibawaannya dalam bidang pentafsiran al-Qur’an telah terbukti dengan munculnya karya beliau *Tafsir Pedoman Muttaqin*, sebuah kitab tafsir bahasa Melayu kontemporari yang

---

<sup>40</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor (2005), *Op. Cit.*, j. 29, h. 378

memiliki ciri khas tersendiri dan dipaparkan dengan kupasan yang menarik serta mudah difahami.

Penulisan *Tafsir Pedoman Muttaqin* masih dalam proses penyelesaian. Hingga kajian ini dijalankan baru empat juzuk yang diterbitkan iaitu juzuk 1 (*Sūrah al-Fātiḥah* sampai *Sūrah al-Baqarah* : 141) dan 2 (*Sūrah al-Baqarah* : 142-286) serta juzuk 28 dan 29. Tafsir ini akan mentafsirkan al-Qur'an lengkap tiga puluh juzuk dan akhir penulisannya dijangka pada tahun 2022.

Metode pentafsiran yang telah diaplikasikan oleh Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* berasaskan kepada al-Qur'an dan al-Hadith di samping menggunakan pentafsiran dengan akal. Malah ketika menghuraikan isu-isu semasa dan bagi mengambil pemahaman ayat pentafsiran dengan akal lebih banyak digunakan oleh beliau. Dengan demikian, penulis berkesimpulan bahawa *Tafsir Pedoman Muttaqin* lebih dekat kepada jenis *Tafsir Bi al-Ra'y* bukan *Tafsir Bi al-Ma'thūr*.

Pentafsiran Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* tidak terikat kepada pandangan mana-mana mazhab atau individu tertentu. Dalam penjelasannya beliau turut mengambil kira pendapat dan pandangan ulama lain berkenaan dengan beberapa persoalan kemudian memilih salah satu di antara pendapat tersebut yang sesuai dengan pandangan beliau.

Dari segi persembahan, pentafsiran Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* menurut penulis juga memiliki kesamaan dengan pentafsiran Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī dalam *Tafsīr al-Marāghī*. Bahkan pentafsiran Abdul Hayei A.S. lebih mendakati kepada pentafsiran Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī berbanding dengan pentafsiran M.Q. Shihab dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* yang telah penulis huraikan pada bab sebelumnya.

Berkenaan dengan penulisan Hadith, Hadith-Hadith dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* dinyatakan dalam pelbagai bentuk. Sebahagian Hadith dinyatakan dengan mengemukakan sanad dan takhrijnya secara ringkas berkenaan dengan nama pengarang, kitab, bab dan nombor Hadith. Sebahagian Hadith pula dinyatakan dengan mukharrij tanpa sanad dan ada juga Hadith dinyatakan dengan matan sahaja tanpa sanad dan mukharrij. Kajian mendapati, Hadith-Hadith yang dinyatakan oleh pengarang tidak semuanya dalam kategori *maqbul* tetapi ada yang *mardūd*.

Walau bagaimanapun, kitab *Tafsir Pedoman Muttaqin* adalah kitab tafsir yang baik dan sewajarnya ia dimiliki oleh setiap muslim khususnya di Nusantara, kerana penjelasannya bersifat ilmiah, mudah difahami oleh masyarakat awam serta menyentuh perbincangan isu semasa yang relevan dengan cabaran dan situasi umat Islam masa kini. Apa yang lebih penting ialah tafsir ini tidak hanya dibanggakan dengan huraian yang menarik tetapi juga isi kandungan dan pesan-pesannya mesti dijadikan pedoman hidup seseuai dengan namanya.